

PROMOSI PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM HONG LEONG (SMF) – PBPV 33EIGHT

Terakhir dikemas kini: 26 Januari 2021

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Pembiayaan Margin Saham 3.38 Bagi 6 Bulan Pertama Hong Leong” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“HLB”) bermula pada **28 Januari 2021** dan berakhir pada **30 Jun 2021**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Promosi (“**T&S**”):

ELIGIBILITY

1. Promosi ini terbuka untuk penyertaan oleh semua pelanggan HLB baru atau sedia ada yang merupakan warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia tetapi telah mendapat status Pemastautin Tetap di Malaysia dan bermastautin di Malaysia melebihi 182 hari dan berumur antara 18 dan 70 tahun bagi kategori berikut (“**Pelanggan**”):
 - (i) Pelanggan Perbankan Private sedia ada dan/atau baru (“**Pelanggan PV**”); dan
 - (ii) Pelanggan Perbankan Prioriti sedia ada dan/atau baru (“**Pelanggan PB**”), melainkan dimaklumkan sebaliknya.
2. Pelanggan PV dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Private (“**Keahlian PV**”). Keahlian PV merujuk kepada jumlah gabungan Aset Di bawah Pengurusan (“**AUM**”) dan/atau Pelaburan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausus 4 di bawah) Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000) atau jumlah lain yang ditetapkan oleh HLB dari masa ke semasa (“**Kriteria Kelayakan PV**”). Pelanggan PV baru merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PV semasa Tempoh Promosi.
3. Pelanggan PB dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti (“**Keahlian PB**”). Keahlian PB merujuk kepada jumlah gabungan Aset Di bawah Pengurusan (“**AUM**”) dan/atau Pelaburan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausus 4 di bawah) Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau jumlah lain yang ditetapkan oleh HLB dari masa ke semasa (“**Kriteria Kelayakan PB**”). Pelanggan PB baru merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PB semasa Tempoh Promosi.
4. Bagi tujuan yang terkandung di sini, istilah “**AUM**” yang bererti Aset Di Bawah Pengurusan bermaksud semua jumlah yang tetap menjadi kredit bagi mana-mana Akaun Deposit Tetap (“**FD**”), Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (“**CASA**”) dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB dan jumlah pelaburan pokok dalam mana-mana Dana Unit Amanah (“**UT**”) dan/atau Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (“**FRNID**”) dengan HLB pada satu-satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus akan dikecualikan sebagai sebahagian daripada AUM untuk membentuk kriteria kelayakan.
5. Pelanggan berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi ini:
 - (i) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) atau telah

diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;

- (ii) Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan mana-mana perbuatan yang salah yang dinyatakan di sini;
- (iii) Pelanggan yang mengemukakan permohonan baru untuk Kemudahan bagi tujuan pembelian saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dan/atau Tawaran Awam Permulaan (IPO);
- (iv) Pelanggan yang mempunyai Kemudahan sedia ada sebelum Tempoh Promosi dan mengemukakan permohonan baru mereka untuk meningkatkan had kemudahan sedia ada mereka semasa Tempoh Promosi;
- (v) Pelanggan sedia ada yang telah memohon dan menerima Kemudahan sebelum Tempoh Promosi;
- (vi) Pelanggan sedia ada yang telah menutup Kemudahan mereka sebelum ini dan telah memohon Kemudahan baru di bawah Promosi ini dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penutupan tersebut;
- (vii) Pekerja tetap dan kontrak HLB/HLISB.

TATA CARA PROMOSI

6. Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang memenuhi kriteria di bawah Kalusa 7 dalam T&S ini layak untuk Promosi di bawah:
- (i) Kemudahan dengan kadar faedah **3.38% setahun** bagi enam (6) bulan pertama ("**Kadar Promosi**"); dan
 - (ii) Selepas itu, mulai bulan ketujuh (ke-7) dan seterusnya, faedah akan dikenakan pada Kadar Asas (BR) + 1.17% setahun ("**Kadar yang Ditetapkan**").
 - (iii) Kadar faedah efektif ialah 3.59% setahun bagi tahun pertama. [BR semasa = 2.63% setahun]

Kadar Promosi akan bermula dari tarikh penerimaan Kemudahan ("**Tarikh Penerimaan Kemudahan**") walaupun tarikh Pelanggan yang Layak membuka akaun untuk Kemudahan tersebut ("**Tarikh Pengaktifan Kemudahan**"), iaitu Pelanggan yang Layak tidak layak untuk Kadar Promosi sekiranya Pelanggan yang Layak hanya mengaktifkan Kemudahan enam (6) bulan selepas Tarikh Penerimaan Kemudahan. Untuk mengelakkan keraguan, Tarikh Penerimaan Kemudahan mestilah pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah Klausula 7 (iii) di bawah iaitu 31 Julai 2021 untuk membolehkan Pelanggan yang Layak menikmati Kadar Promosi.

7. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki melaksanakan dan memenuhi keperluan/kriteria berikut seperti yang dinyatakan di bawah ("**Pelanggan yang Layak**"):
- i. Memohon Kemudahan Pembentangan Margin Saham ("**Kemudahan**") dalam Tempoh Promosi di mana-mana cawangan HLB;
 - ii. Memohon dengan jumlah pinjaman minimum yang diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000);
 - iii. Pelanggan yang Layak yang telah memohon Kemudahan dalam Tempoh Promosi haruslah menerima Kemudahan selewat-lewatnya pada 31 Julai 2021 untuk layak menyertai Promosi ini. Tempoh tangguh selama satu (1) bulan ini diberikan daripada tamat Tempoh Promosi dan adalah untuk tujuan membolehkan Pelanggan yang Layak mengemukakan permohonan mereka untuk Kemudahan semasa Tempoh Promosi bagi menerima Kemudahan tersebut;
 - iv. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan yang Layak menjadi tidak layak untuk menyertai Promosi ini kerana gagal melaksanakan dan memenuhi keperluan/kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 7(i) hingga 7(iii) di atas dan/atau atas apa jua sebab;

- v. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyelesaikan semua caj berkaitan yang ditanggung berhubung kemudahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran duti setem dan yuran guaman untuk Perjanjian Kemudahan dan dokumen lain yang berkaitan) dengan segera.

AM

- 8. Promosi ini tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan promosi lain yang berlangsung yang berkaitan dengan Kemudahan yang ditawarkan oleh HLB dari masa ke semasa, melainkan dimaklumkan sebaliknya.
- 9. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini;
 - (ii) untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my s("Laman Web HLB") secara kerap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terhadap T&S.
 - (iii) bahawa semua rekod Pelanggan yang diambil oleh sistem HLB untuk Promosi adalah tepat dan muktamad;
 - (iv) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk kelayakan Pelanggan untuk menyertai Promosi, dan kelulusan untuk Kemudahan adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan; dan
 - (v) bahawa semua permohonan untuk Kemudahan adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan kredit HLB.
- 10. HLB berhak untuk:
 - (i) menolak mengikut budi bicaranya apa-apa permohonan untuk Kemudahan yang dikemukakan dengan memberikan alasan;
 - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab di mana HLB boleh menurut budi bicaranya yang dianggapnya sesuai;
 - (iii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&C di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budi bicaranya dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan tentang penambahan, pembatalan atau pindaan tersebut.
- 11. Semua terma dan syarat, peraturan dan undang-undang sedia ada yang mentadbir Kemudahan hendaklah terpakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S Promosi ini dan terma dan syarat, peraturan dan undang-undang yang sedia ada yang mentadbir Kemudahan, T&S khusus di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
- 12. Pelanggan adalah bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
- 13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&C di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubung dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB akan diguna pakai.
- 14. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

15. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk tunggal yang lain termasuk jamak dan sebaliknya.